

0639

B 8435 DEB
MAHATHIR - PERPADUAN

KUCHING, 17 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI BERKATA SATU SYARAT YANG PENTING UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA MAJU DAN MENCAPAI KEJAYAAN IALAH NEGARA PERLU AMAN DAN DAMAI.

KATANYA UNTUK MENCAPAI ITU PULA HARUS ADA PERPADUAN DI KALANGAN KAUM DAN PERASAAN KEDAERAHAN HENDAKLAH DIGANTIKAN DENGAN PERASAAN BANGGAKAN NEGARA.

BERUCAP PADA MAJLIS SAMBUTAN HARI PERPADUAN PEMUDA BARISAN NASIONAL (BN) DI PETRA JAYA DI SINI, BELIAU BERKATA RAKYAT SEPATUTNYA MENGUTAMAKAN NEGARA DARIPADA NEGERI SENDIRI.

+KALAU KITA TIDAK MEMPUNYAI PERASAAN TERHADAP NEGARA KITA MAKA SEMANGAT KEBANGSAAN AKAN MENJADI LUMPUH DAN KITA AKAN MEMPUNYAI PANDANGAN YANG AMAT SEMPIT YANG CUMA TERTUMPU KEPADA SATU TEMPAT YANG KECIL SAHAJA DAN INI SUDAH TENTU AKAN MENJADIKAN KITA ORANG YANG LEMAH,+ KATANYA .

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN SABAH DAN SARAWAK TERPISAH DARI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN RAKYATNYA PELBAGAI KETURUNAN, NEGARA BERNASIB BAIK KERANA MASIH DAPAT MEMBANGUN DENGAN PESAT DARIPADA SEBELUM MERDEKA.

KATANYA BANYAK NEGARA YANG BARU MERDEKA MASIH MUNDUR, ADA PULA YANG RAKYATNYA BERBILANG KAUM BERSELISIH DAN BERPERANG SESAMA SENDIRI MALAH ADA JUGA YANG SUDAH TIDAK MENGAMALKAN DEMOKRASI DAN DIPERINTAH SECARA DIKTATOR.

-- LAGI.

1924MST 17 09 87

B 8440 DEB
MAHATHIR-PERPADUAN 2 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU RAKYAT SARAWAK SUPAYA MEMBANDINGKAN KEADAAN NEGERI MEREKA DENGAN SEBELUM DAN SELEPAS MERDEKA DAN JELAS KEDUDUKAN MEREKA LEBIH BAIK DARIPADA DAHULU.

KATANYA SEBAB ITU RAKYAT NEGARA INI HARUS BERSYUKUR DAN BERIKRAR UNTUK BERSATUPADU DAN HARUS MEMPERINGATI DIRI MEREKA BETAPA PENTINGNYA PERPADUAN ANTARA KAUM, ANTARA NEGERI, ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SABAH DAN SARAWAK DAN ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM BN.

MENURUTNYA ADA PIHAK-PIHAK YANG TIDAK SENANG MELIHAT KERJASAMA YANG TERDAPAT DI KALANGAN PARTI DALAM BN DAN MEREKA CUBA MENIMBULKAN PERKARA YANG MUNGKIN BOLEH MEMBAWA KETEGANGAN DAN BERMUSUHAN SESAMA ANGGOTA PARTI KOMPONEN.

+ DAN DENGAN ITU MUNGKIN PARTI KITA AKAN HANCUR. TETAPI KALAU PUN HANCUR PARTI TETAPI PERPADUAN KEKAL INI TIDAK MENGAPA. MALANGNYA JIKA TIDAK ADA BN MAKA BERSAMA-SAMANYA AKAN PERGI PERPADUAN ANTARA KAUM YANG MEMBERI KEKUATAN PADA KITA,+ KATANYA.

OLEH ITU, KATANYA FALSAFAH PERPADUAN HENDAKLAH DIPUPUK TERUTAMA DI KALANGAN PEMUDA KERANA MEREKALAH YANG AKAN MEWARISI NEGARA KELAK DAN ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB GOLONGAN DEWASA MENYAMPAIKAN FALSAFAH ITU KEPADA MEREKA. --LAGI/ZAW

2006MST 17 09 87

D668

B B443 DEB
MAHATHIR-PERPADUAN 3 KUCHING

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN ITU DAPATLAH PEMUDA MEMERINTAH NEGARA DENGAN CARA YANG SAMA IAITU STABIL DAN MEMBAWA KEJAYAAN SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN BN YANG DIANGGOTAI OLEH 13 PARTI KOMPONEN YANG MEWAKILI PELBAGAI KAUM.

KATANYA BANYAK PERKARA LAGI MASIH PERLU DILAKUKAN UNTUK MEMAJUKAN NEGARA DAN KESTABILAN POLITIK ADALAH PALING PENTING BAGI MENJAMIN KEJAYAANNYA.

MENURUTNYA, JIKA TIDAK ADA KESTABILAN POLITIK IAITU SEPERTI BERLAKU RUSUHAN ANTARA KAUM NEGARA AKAN MENJADI MISKIN DAN INI AKAN MERUGIKAN RAKYAT SENDIRI.

KATANYA RAKYAT HENDAKLAH BERAZAM UNTUK MEMAJUKAN NEGARA SEPERTI NEGARA-NEGARA EROPAH, JEPUN, KOREA SELATAN DAN TAIWAN DAN INI BOLEH TERCAPAI SEKIRANYA MEREKA BERUSAHA DARI SEKARANG SETAPAK DEMI SETAPAK KERANA NEGARA-NEGARA ITU PADA ASALNYA JUGA ADALAH MISKIN DAN MUNDUR.

PERDANA MENTERI JUGA MENGULANGI SERUANNYA SUPAYA PEMUDA BN MENGURANGKAN KENYATAAN-KENYATAAN YANG MENYAKITI ORANG LAIN YANG BOLEH MENJEJASKAN PERPADUAN KAUM DAN SEBALIKNYA SEBARANG MASALAH YANG DIHADAPI HENDAKLAH DIBINCANG DI MEJA RUNDINGAN SECARA TERTUTUP DAN DICARI PENYELESAIAN DARI DALAM DAN BUKANNYA DIHEBOHKAN PADA RAMAI. --LAGI/ZAW
2018MST 17 09 87

D686

U B444 DEB
MAHATHIR - PERPADUAN 4 KUCHING

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MENGECEM SEGELINTIR RAKYAT YANG CUBA MENJADI +JUARA+ DALAM SESUATU ISU TANPA MEMPEDULIKAN BAHAWA NEGARA AKAN HANCUR.

KATANYA, GOLONGAN INI BUKANNYA CUBA UNTUK MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA NEGARA TETAPI CUBA MENIMBULKAN KEKACAUAN DENGAN MENIMBULKAN PERKARA SEPERTI PERLEMBAGAAN YANG KONONNYA PERLU DIPINDA SERTA KONONNYA +MELINDUNGI+ KAUM PENAN TANPA MEMPEDULIKAN HAK DAN KEPENTINGAN MAJORITI RAKYAT.

BELIAU BERKATA SARAWAK MENYOKONG PENUH USAHA KERAJAAN PIMPINAN PERDANA MENTERI UNTUK MEMPERTAHANKAN PERPADUAN SUPAYA KEKAL DEMI KEHAJUAN NEGARA SERTA TIDAK AKAN MENGIZINKAN PERPADUAN ITU DIROSAKKAN OLEH MANA-MANA +JUARA+.

MENURUTNYA, SARAWAK YANG ASALNYA MUNDUR TELAH MENJADI BEGITU MAJU SEJAK MENGANGGOTAI MALAYSIA 24 TAHUN LALU.

KIRA-KIRA 2,000 ANGGOTA PEMUDA BN MENGHADIRI SAMBUTAN HARI PERPADUAN ITU. -- BERNAMA
2049MET 17 09 87